

28 JAN 1998

Mahathir-Kemalangan

PENGGUNA JALAN RAYA SENGAJA CARI MAUT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sesetengah penunggang motosikal dan pemandu kereta bertindak seperti sengaja "mencari maut " apabila berada di jalan raya.

Sambil menyamakan sikap mereka itu seperti orang yang hendak "membunuh diri", Perdana Menteri berkata peningkatan kadar kematian setiap kali menjelang perayaan besar di negara ini berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pengguna jalan raya sendiri.

"Bila saya bawa kereta pun saya nampak motosikal datang, bawa yang secara nak bunuh diri. Jadi saya kadang-kadang berasa tak kesian langsung kepada mereka ini.

"Bukan salah jalan, bukan salah kenderaan tapi salah mereka. Mereka nak cari maut. Kita dah larang dah, kita dah pesan supaya berjaga-jaga tapi mereka macam gila nak bunuh diri," katanya ketika ditanya pemberita selepas menghadiri rumah terbuka MCA sempena Tahun Baru Cina di sini.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira setengah jam pada majlis tahunan MCA itu. Beberapa pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dan semua menteri kabinet dan timbalan menteri dari MCA turut hadir.

Sejak pelancaran Ops Statik, operasi bagi mengawal lalulintas menjelang perayaan berkembar tahun ini, sebanyak 118 kematian dilaporkan daripada 4,965 kemalangan.

Angka sehingga semalam itu menunjukkan 58 peratus kematian melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal.

Statistik itu juga menunjukkan kadar kematian dan kemalangan sepanjang tujuh hari operasi berjalan tahun ini meningkat berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Tahun lepas, sebanyak 103 kematian dilaporkan daripada 4,200 kemalangan dalam tempoh tujuh hari itu.

Dr Mahathir berkata, walaupun beliau tidak menafikan kemalangan yang berlaku bukan disengajakan tetapi sikap pengguna jalan raya itu sendiri menunjukkan seolah-olah mereka sengaja mengundang maut.

"Kalau kita bawa kereta dengan baik, kita boleh pi (bergerak) laju tapi taklah laju sangat, sampai (ke destinasi). Tapi bila ada kereta, nampak macam nak menunjuk dan kalau kita buat macam itu, kitalah jadi mangsa," katanya.

Perdana Menteri menasihatkan rakyat yang pulang ke kampung sempena perayaan berkembar ini supaya berhati-hati di jalan raya.

"Saya dah nasihat berkali-kali (supaya) bawa kereta dengan cermat. Kita fikir orang dok tunggu kita nak balik, tiba-tiba kita tak balik kerana kita kena kemalangan di jalan raya, mungkin maut.

"Jadi in amat menyedihkan, tak mahu dengar langsung cakap. Bukan kereta punya salah, driver punya salah," katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan pada musim perayaan, masih terdapat satu peratus daripada pengguna jalan raya yang memilih untuk "membunuh diri".

"Jangan jadikan hari perayaan sebagai hari untuk bersedih. Kalau kita hendak balik kampung untuk bersama keluarga, biarlah kita dapat bersama mereka secara hidup bukannya balik sebagai mayat," kata Dr Ling, yang juga Presiden MCA, selepas majlis rumah terbuka itu. -- BERNAMA

AH NZ MAI